

Keperluan Membangunkan Tanah Gambut dengan Tanaman Sawit

Pembangunan industri sawit Malaysia telah berkembang dengan pesatnya hingga menjangkau keluasan 2.5 juta hektar pada penghujung tahun 1995. Atas minat ramai penanam dan prospek masa hadapan yang dijangka cerah, keluasan tanaman sawit negara akan terus bertambah di masa-masa hadapan. Ini dijangka walaupun negara sedang menuju ke arah perindustrian. Persoalannya ialah sama ada kita mempunyai lagi atau tidak simpanan tanah tanah baru yang boleh dibangunkan dengan sawit. Dalam senario sekarang, kedapatan tanah-tanah yang baik dijangka semakin sulit dan berkurangan. Dari satu sudut, negara perlu menyimpan sebahagian besar kawasan-kawasan hutan yang masih ada sebagai



Tanaman sawit di tanah gambut.

Kandungan

- Keperluan Membangunkan Tanah Gambut dengan Tanaman Sawit **1**
- Dari Meja Ketua Penyunting **2**
- Kuiz Sawit **2**
- Kegiatan Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi **3**
- Kenalilah... **4**
Isu Berkaitan Tanah Gambut
- Sudut Teknologi **5**
- Penemuan Penemuan Terbaru Penyelidikan dan Pembangunan Tanah Gambut untuk Tanaman Sawit
- Berita Bergambar **6-7**
- Tahukah Anda **10**
- Peladang Jaya **11**
- Rajin Berusaha dan Sedia Menerima Tunjuk Ajar Pinca Kejayaan

sumbangan memelihara alam sekitar dan khazanah untuk generasi masa hadapan. Dari sudut yang lain pula, negara memerlukan sebahagian daripada tanah-tanah yang baik untuk projek projek lain seperti membesarkan kawasan perindustrian, perumahan dan lain-lainnya.

Alternatif yang ada pada industri sawit negara dalam usaha meluaskan lagi kawasan tanamannya ialah dengan banyak lagi membangunkan tanah-tanah marginal seperti tanah berbatu dan curam, tanah asid sulfat dan berpotensi asid sulfat, tanah bris, tanah lombong bijih timah dan tanah gambut. Banyak penyelidikan telah dijalankan ke atas tanah-tanah ini dan kebanyakannya sekarang boleh ditanam dengan sawit, dengan memperolehi pertumbuhan dan hasil yang sederhana baik ke baik.

Dalam konteks tanah gambut, tanah organik ini banyak terdapat di Malaysia khususnya di negeri Sarawak.

Berambung di muka surat 2



Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr. Hj Yusof bin Basiron
Ketua Pengarah PORIM

PENGERUSI
Dr. Ariffin bin Darus

KETUA PENYUNTING
Hj Mohd Tayeb bin Dolmat

PENYUNTING
Hj Suboh bin Ismail
N Zabeen Ismail
Dr. Mohd Basri bin Wahid
Dr. N. Rajanaidu

SETIAUSAHA
Hj Idris bin Hj Omar



Dari Meja Ketua Penyunting

Industri sawit negara sedang melalui satu era yang cerah kebelakangan ini dengan harga komoditi pada paras yang baik dan keluasan dan pengeluaran terus menunjuk peningkatan. Tidak ada apa yang lebih baik kepada industri dan negara selain daripada melihat sektor perladangan meraih lebih keuntungan dan sektor pekebun kecil memperoleh pendapatan yang lumayan. Di sana-sini jelas terlihat tanda-tanda peningkatan taraf sosio-ekonomi pekebun kecil (sebagai contoh di rancangan-rancangan FELDA) hasil daripada kelapa sawit yang diusahakan. Bersyukurlah kita kepada Allah atas rahmatNya dan tingkatkan lagi usaha kita.

Status negara kita sebagai pengeluar utama minyak sawit dunia adalah satu perkembangan yang patut kita banggakan bersama. Kedudukan ini mungkin akan dinasih oleh industri sawit Indonesia tidak lama lagi yang terus meningkatkan keluasan dan pengeluaran sawit mereka. Apakah tindakan yang perlu kita ambil untuk mengukuhkan situasi ini? Satu jalan ialah menerusi peringkasan usaha kita meningkatkan lagi produktiviti sawit daripada bidang-bidang tanah yang diusahakan. Meriang banyak lagi ruang untuk perubahan. Yang paling nyata ialah penghasilan sawit yang dicapai khususnya oleh sektor pekebun kecil sekarang masih lagi jauh daripada potensi sebenar sawit yang ditanam.

Alternatif kedua ialah meningkatkan lagi keluasan tanam sawit negara. Masalahnya kalau tanah-tanah baik untuk pertanian sudah mula berkurangan dewasa ini khususnya di Semenanjung Malaysia. Tiada pilihan lain yang ada pada kita kecuali mengguna tanah-tanah marginal yang terdapat dengan luasnya. Salah satu daripada tanah-tanah ini ialah gambut yang keluasanya merangkai 2.4 juta hektar di seluruh negara khususnya di negeri Sarawak. Banyak penyelidikan telah dijalankan ke atas tanah ini dan daripada penemuan-penemuan yang diperolehi dan pengalaman yang ada menampakkan prospek yang cerah penggunaannya untuk tanaman sawit. Pulangan ekonomik daripada pelaburan sawit di kawasan tanah gambut adalah setanding dengan kebanyakan tanah-tanah mineral yang lain walaupun kos pembangunannya peringkat awal tinggi sedikit. Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa kawasan tanah gambut adalah sangat sensitif kepada apa jua perubahan yang dilakukan keatasnya. Pembangunannya perlu dibuat dengan teliti dengan mengurangkan seberapa yang boleh kesannya kepada alam sekitar. Kawasan hutan gambut asli merupakan kawasan ladahan hujan yang penting fungsinya. Selidik-tidaknya perlulah ada keseimbangan antara pembangunan dan penyimpanan sebahagian daripada kawasan hutan gambut ini. Penekanan usaha buat permulaan eloklah diletakkan pada kawasan-kawasan gambut yang telah diduduki/diterokai manusia dan ini banyak terdapat di sana-sini. Dengan perancangan yang teliti dan berkesan, tanah gambut dapat memberi pulangan yang baik daripada pelaburan sawit dengan kesan negatif yang minimum kepada alam sekitar. Ini boleh dilakukan oleh kita semua kalau ada komitmen yang kuat.

Dari muka surat 1

Berkemungkinan besar perkembangan tanaman sawit di masa hadapan di kawasan tanah gambut akan banyak berlaku di negeri Sarawak. Hasil penyelidikan yang dijalankan oleh pelbagai sektor termasuk PORIM khususnya dalam tahun tujuh-puluhan hinggalah sekarang menghasilkan banyak penemuan yang berguna yang membolehkan tanah gambut diusahakan dengan sawit dengan jayanya. Pengalaman terbaru pada peringkat perladangan dan juga pekebun kecil telah menunjukkan bahawa dengan pelbagai input pengurusan yang betul, pertumbuhan dan hasil sawit di kawasan gambut adalah setanding, jika tidak lebih baik daripada beberapa tanah mineral lain yang ada. Walaupun kos pembangunannya mahal sedikit (disebabkan keperluan tambahan membina prasarana seperti parit dan jalan), penanaman sawit di tanah gambut dapat memberi keuntungan yang lumayan. Ini telah dibuktikan oleh beberapa sektor industri sawit negara yang terlebih dahulu menunjuk keberanian melibatkan diri dalam perkara ini. **BS**

KUIZ SAWIT

1. Berapakah jumlah optimum pelepah yang mesti ada pada pokok sawit berumur 4-7 tahun?
2. Kenapa pemangkasan mesti dibuat keatas pokok sawit?
3. Apakah yang dimaksudkan D&P dan jenis benih hasil daripada kacukan ini?
4. Berapa peratuskah buah jenis tenera, dura dan pisifera yang akan diperolehi sekiranya benih tanaman dikutip daripada hawah pokok sawit di ladang?
5. Apakah ukuran atau tanda untuk mengenalpasti tandan sawit yang sudah cukup masak dan sesuai dituai?
6. Baja patut ditahur lebih kurang 1-1.5 meter daripada pangkal sawit yang berumur lebih lapan-tahun, betul atau salah?
7. Kenyataan seorang pekebun kecil, "Buah sawit patut diperam supaya ia cukup masak dan kandungan minyaknya lebih tinggi". Adakah kenyataan ini betul?
8. Kenapa buah yang baru dipetik mesti terus dihantar ke kilang dalam masa 24 jam?

Sumbangan: Wan Zamri Wan Yusof

(Jawapan di muka surat 9)

Kepentingan kegiatan pengembangan dalam pembangunan industri sawit memang tidak dapat dinafikan. Ia merupakan satu alat penyaluran maklumat kepada golongan sasaran. Sejak kebelakangan ini isu tanaman semula sawit secara bawahan semakin hangat diperkatakan. Banyak program terutamanya kursus dan khidmat nasihat yang berkaitan dengan tanaman sawit secara bawahan telah dianjurkan. Ini disebabkan banyak pokok sawit kepunyaan pekebun kecil sudah sampai ke peringkat tanam semula. Atas sebab inilah dalam penggal pertama tahun 1996 (Januari-Juni), Unit Pembangunan Pekebun Kecil Dan Pemindahan Teknologi telah merancang dan melaksanakan beberapa aktiviti pengembangan yang menekankan perkara ini. Di antara aktiviti-aktiviti tersebut ialah:

KURSUS KELAPA SAWIT UNTUK PEKEBUN KECIL

Dua kursus di Dengkil dan FELDA Jengka 3 yang dihadiri oleh 70 orang peserta. Tajuk ceramah yang telah disampaikan ialah pemangkasan, penuaian dan tanaman semula sawit secara bawahan.

CERAMAH/DIALOG

Seramai 93 orang petani telah menghadiri tiga sesi ceramah/dialog yang telah diadakan dengan kerjasama agensi-agensinya kerajaan yang terlibat dengan perusahaan sawit. Antara tajuk utama yang telah dibincangkan dalam sesi tersebut ialah isu kadar peralihan minyak dan risiko tanaman semula sawit secara bawahan.

LAWATAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN

Tiga lawatan khidmat nasihat telah dijalankan atas permohonan pihak-pihak berkenaan di Behrang, FELDA Sg. Koyan 2 dan pekebun kecil persendirian di Sungkat, Perak. Antara masalah yang dihadapi ialah serangan kumbang badak, tanaman semula sawit secara bawahan dan pembajaan.

SIARAN RADIO DAN TV

Bagi memantapkan lagi aktiviti pengembangan, sebanyak sembilan program radio telah diatur sepanjang tahun 1996. Antara program tersebut ialah tiga rancangan di RTM Johor, dua di RTM Kuala Terengganu, dua di RTM Kota Bharu dan dua lagi di RTM Alor Setar.

HOTLINE:TALIAN SAWIT (03-8251122)

Dua puluh panggilan telah diterima meliputi pelbagai soalan di mana kebanyakannya berkisar tentang cara bagaimana hendak mencapai hasil sawit yang tinggi. Penanam penanam sawit khususnya sektor pekebun kecil disarankan menggunakan kemudahan ini bagi mengatasi masalah-masalah tanaman sawit mereka.

PETAK DEMONSTRASI

Petak-petak demonstrasi yang sedang dijalankan telah dimanfaatkan oleh pekebun kecil tempatan. Latihan amali telah dan akan terus diadakan di tempat-tempat ini. Segala tunjukajar dan teknologi yang disampaikan oleh PORIM telah diikuti oleh tuan punya petak berkenaan dengan betul dan berkesan. Petak demonstrasi Parit Jayas, Pontian, Johor telah berjaya mengeluarkan hasil yang memberangsangkan pada tahun pertama penghasilan sebanyak 16 tan sehektar setahun.

PERANCANGAN DAN HARAPAN UPPK & PT MASA HADAPAN

Segala program yang telah dilaksanakan dan yang dirancang adalah bertujuan untuk memajukan golongan sasaran khususnya sektor pekebun kecil. Oleh itu kerjasama dan penyertaan yang lebih daripada pekebun kecil di masa hadapan sangat diperlukan untuk memastikan program tersebut mencapai matlamatnya. UPPK & PT PORIM menjangkakan lebih banyak kursus sawit, khidmat nasihat dan perundingan akan diadakan sehingga akhir tahun 1996 ini. **BS**

KENALILAH...

Isu Berkaitan Tanah Gambut

Tanah gambut ialah tanah organik yang banyak terdapat di Malaysia khususnya di negeri Sarawak. Dianggarkan lebih kurang 2.4 juta hektar tanah gambut terdapat di negara ini dengan negeri Sarawak mencatat keluasan terbesar sebanyak 1.5 juta hektar. Bakinya adalah di Semenanjung Malaysia sebanyak 0.8 juta hektar dan di negeri Sabah sebanyak 86,000 hektar.

Kandungan bahan organik tanah gambut melebihi 60 peratus daripada jumlah berat tanah (lebih 60 peratus kehilangan berat selepas pembakaran). Tanah gambut biasanya terdapat di kawasan-kawasan lembah atau paya yang terendam dan terletak di antara dataran tanah laut dengan kawasan tanah bukit dan juga di antara bukit-bukit.

Tanah gambut boleh diklasifikasikan sebagai tanah bermasalah di mana ianya memerlukan pengurusan yang khusus untuk pengeluaran pertanian yang ekonomik. Antara masalah-masalahnya adalah seperti berikut:

Masalah fizikal

- Kewujudan batang-batang dan tunggul-tunggul kayu samada di permukaan ataupun terbenam di dalam tanah. Ini menimbulkan masalah dalam kerja-kerja pembangunan dan pengurusan seperti pembinaan parit dan jalan.
- Paras air dalam tanah yang biasanya tinggi. Ini menyukarkan kerja pembangunan awal. Ini mewujudkan keadaan kekurangan pengudaraan dan memberi kesan yang buruk terhadap pertumbuhan dan hasil tanaman.
- Kepadatan pukal yang rendah dengan sifat keronggaan yang tinggi. Pokok tidak dapat berkeadaan tegak dan masalah ini juga menghadkan penggunaan jentera.
- Kekecutan dan susutan paras gambut berlaku apabila saliran dilakukan. Ini menyebabkan kehilangan gambut dan pokok



Kawasan gambut yang baru dibersihkan - lebih 60% daripada tanah terdiri daripada bahan organik seperti batang dan akar kayu.

seperti sawit akan mudah condong dan tumbang.

- Mengalami kekeringan yang berterusan sekiranya berlaku saliran yang berlebihan. Keadaan ini mengganggu pergerakan air dan kemungkinan besar tanaman seperti sawit akan menghadapi masalah tekanan kekurangan air.

Masalah kimia

- Bersifat masam dengan nilai pH biasanya kurang daripada 3.5. Keadaan ini boleh memberi kesan yang buruk terhadap pertumbuhan tanaman seperti sawit secara terus atau tidak langsung.
- Mempunyai status kandungan unsur nutrien (pemakanan) yang rendah dan tidak seimbang. Ini termasuk unsur-unsur sureh seperti kuprum (Cu) dan Zinkum (Zn).
- Mengikat unsur nutrien daripada baja oleh asid organik dalam tanah gambut.
- Mempunyai daya tampunan (buffering capacity) yang tinggi - ini menyulitkan usaha

memperbaiki kemasaman tanah seperti penggunaan kapur.

Hutan gambut asli yang masih banyak belum diterokai di Malaysia merupakan kawasan tadahan air yang penting. Banyak jenis pokok-pokok balak bernilai tinggi, tanaman eksotik dan haiwan terdapat di dalam hutan gambut.

Kebelakangan ini, disebabkan kekurangan tanah yang terdesak untuk pertanian, banyak kawasan gambut sudah mula diterokai dan ditanam dengan pelbagai jenis tanaman. Pengalaman awal menampakkati banyak kegagalan mengusahakan tanah gambut ini atas sebab kurang kefahaman menguruskannya. Walau bagaimanapun, hasil daripada usaha penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan oleh beberapa institusi dan orang perseorangan, tanah gambut sekarang sudah boleh diusahakan dengan jayanya untuk pertanian termasuk tanaman sawit. **BS**

Sumbangan:
Hj. Mohd Tayeb Dolmat

Banyak kemajuan telah dicapai dalam bidang penyelidikan dan pembangunan tanah gambut yang dijalankan oleh beberapa agensi/institusi swasta dan awam. Menerusi usaha-usaha inilah beberapa jenis tanaman termasuk sawit sudah boleh ditanam di kawasan gambut dengan jayanya dengan memberi pulangan ekonomik yang baik.

Hingga ke hari ini, sawit merupakan satu tanaman kekal yang dikenalpasti mempunyai potensi terbesar untuk ditanam di kawasan gambut. Dibandingkan dengan pengalaman awal di dalam tahun 1950 an di mana percubaan menanam sawit secara komersial di kawasan gambut, pencapaian pada hari ini sangatlah membanggakan. Pencapaian ini termasuklah dalam bidang-bidang pengurusan air, penyediaan tanah, teknik menanam dan keperluan pemakanan (baja) oleh sawit. Berikut disenaraikan secara ringkas pencapaian-pencapaian dan penemuan-penemuan terbaru yang dimaklumkan.

Penemuan-Penemuan Terbaru Penyelidikan dan Pembangunan Tanah Gambut untuk Tanaman Sawit

Sumbangan
Hj Mohd Tayeb Dolmat



Parit ladang di kawasan tanah gambut.

1. SISTEM PENGURUSAN AIR

- Pengurusan air perlu dijalankan awal dan dengan cara yang teratur
- Penurunan paras air untuk membenarkan jentera beroperasi hendaklah dibuat secara perlahan dan elakkan saluran berlebihan.
- Sedlakan sistem saluran yang optimum merangkumi jaringan parit ladang, pengumpul dan utama dengan saiz masing-masing mengikut spesifikasi.

- Kekalkan paras air dalam ladang lebihkurang 60-90 cm daripada permukaan tanah dengan menggunakan sistem kawalan air tertentu ataupun beg-beg pasir.

2. PENYEDIAAN TANAH

- Penanaman kekacang penutup bumi adalah tidak perlu di kawasan gambut. Adalah baik pada peringkat awal pembangunan dibiarkan rumput-rumpai lembut (jenis tidak merbahaya) tumbuh di kawasan antara baris supaya

permukaan tanah gambut tidak mengering.

- Mampatkan secara mekanikal (mengguna jengkaut) kawasan baris tanaman dan lorong tuai untuk mendapatkan pertumbuhan sawit yang baik (dan kurang menyondong) dan hasil yang lebih tinggi.

3. KEPADATAN TANAMAN

- Tanam pada kepadatan 136-148 pokok/hektar untuk kawasan gambut cetek.

Bersambung di muka surat 8

- Tanam pada kepadatan 160 pokok/hektar untuk kawasan gambut sederhana dalam dan gambut dalam.

4. CARA MENANAM

- Guna lubang tanaman biasa di kawasan yang gambutnya dimampat secara mekanikal (atau secara sendiri di mana kawasan gambut berkenaan telah dibuka lama - paras gambut telah turun dan sedikit-sebanyak kemampuan telah berlaku secara semulajadi).
- Guna sistem lubang di dalam lubang di kawasan gambut asli (baru) yang tidak dimampatkan secara mekanikal. Saiz lubang adalah seperti berikut:

Lubang luar - 1 meter persegi dan 30 cm dalam

Lubang dalam - besar sedikit daripada ukuran polibeg anakbenih biasa (yang besar)



Kaedah penanaman "lubang dalam lubang"

5. PEMBAJAAN

5.1 Keperluan nitrogen (N)

Secara komersial, penggunaan 0.5-1.0 kg Urea/pokok mencukupi untuk kebanyakan tahun umur sawit. Pastikan tidak melebihi 1.0 kg Urea/pokok/tahun untuk tahun-tahun sawit matang.

5.2 Keperluan fosforus (P)

Biasanya pembubuhan sehingga 1 kg baja fosfat seperti Christmas Island Rock Phosphate (CIRP) mencukupi untuk kebanyakan tahun

Kadar yang berlebihan akan mengganggu pengambilan unsur-unsur kuprum (Cu) dan zinkum (Zn) oleh sawit. Kadar jangan melebihi 1.25 kg CIRP/pokok/tahun dalam tahun-tahun sawit matang.

5.3 Keperluan kalium (K)

Tanah gambut sangat kekurangan unsur K dan pembubuhan baja K pada kadar yang tinggi diperlukan



Kerja memampat dengan menggunakan jentera excavator.

untuk mengekalkan status K yang baik dalam sawit dan hasil.

- Boleh guna baja Muriate of Potash (MOP) ataupun abu tandan atau kombinasi kedua-duanya sebagai sumber K
- Kadar lebihkurang 5-6 kg/pokok/tahun MOP disyorkan untuk sawit matang.

- Kadar abu tandan lebihkurang 6 kg/pokok/tahun mencukupi untuk sawit matang.

5.4 Keperluan baja kapur

Penggunaan baja kapur (*Calcium Limestone* atau *limestone dust*) hendaklah dengan cara berhati-hati. Kadar yang sangat tinggi diperlukan untuk meningkatkan sedikit nilai pH gambut - ini akan mengganggu pemakanan beberapa unsur lain terutama kalium.

Umumnya, penggunaan baja kapur tidak disyorkan terutama di peringkat awal tanaman sawit di kawasan gambut. Pembubuhan semasa sawit matang hendaklah berhati-hati mengikut keperluan-elak pembubuhan berlebihan.

5.5 Keperluan unsur sureh

- Cu dan Zn - bubuh 15 gm setiap satu baja *zinc* dan *copper sulphate* dalam lubang tanaman semasa menanam (tambahan kepada 150-200 gm CIRP yang biasa dibubuh). Ikuti dengan 200 gm setiap satu baja ini yang ditabur di sekeliling anakbenih.

Selanjutnya bubuh 100-200 gm setiap satu baja ini pada penghujung tahun pertama dan kedua penanaman.

Selanjutnya, awasi status Cu dan Zn dalam daun menerusi analisa daun. Kekalkan paras Cu pada tahap 3.5-5.0 ppm dan Zn pada tahap 15-20 ppm dalam daun. Bubuh baja-baja ini jika paras di bawah minimum.

- B (boron) - awasi paras B dalam daun dan kekalkan pada paras 10-20 ppm. Jika paras di bawah minimum, bubuh 100-150 gm baja Borate/pokok/tahun (*contoh* Borate 48).



Paras air sentiasa dikawal 0.6-0.9 meter daripada paras bumi.


JAWAPAN KUIZ SAWIT

1. 48-56 pelopak
2. a. Untuk mengawal indeks keluasan daun yang optimum bagi proses fotosintesis
b. Meniadakan penualan
c. Senang untuk mengenalpasti buah masak
d. Mengurangkan kehilangan buah lerai
e. Membuang pelopak yang tidak produktif
f. Mengurangkan penyakit reput tandan
3. DXP ialah Dura yang dikacukkan dengan Pistera dan menghasilkan jenis Tenera
4. 50% Tenera, 25% Dura, 25% Pistera
5. Sebiji buah lerai
6. Salah. Cara yang betul ialah menabur baja secara sebaran menyebarkan
7. Kenyataan di atas sama sekali tidak betul kerana buah yang diperam akan mempunyai asid lemak bebas yang tinggi dan kandungan minyaknya tidak bertambah
8. Supaya asid lemak bebas (FFA) tidak tinggi, FFA yang tinggi akan menurunkan mutu minyak sawit

TAHUKAH ANDA



1. Tahukah anda bahawa minyak sawit boleh dijadikan *kuah salad (salad dressing)*. Kelebihannya ialah -
- Harganya yang lebih kompetitif dibandingkan dengan minyak-minyak lain
 - Bekalan yang konsisten dan mudah diperolehi.
 - Lebih stabil kerana kandungan vitamin E yang tinggi iaitu bersifat anti-oksidasi yang semulajadi.
 - Kualitinya lebih baik berbanding keluaran yang diimport iaitu dari segi warna, aroma, consistency dan rasa
 - Tahan selama tiga bulan jika disimpan dalam peti sejuk.
 - Sebanyak 10% minyak sawit digunakan dalam minuman tersebut.



2. *Aiskrim* yang berasaskan minyak sawit semakin popular dewasa ini. Antara kelebihannya ialah:-
- Nilai pemakanan yang tinggi dan bekalan yang mencukupi
 - Kosnya lebih murah di mana kos lemak susu ialah RM 6.75/kilogram manakala minyak sawit RM1.70/kilogram
 - Mengurangkan insiden penyakit jantung.
 - Sebanyak 10-12% minyak sawit digunakan dalam minuman tersebut.

3. Sedarkah anda bahawa di pasaran kini telah terdapat satu jenama minyak pelincir iaitu *Castrol Palmtec 2T*. Ia merupakan minyak motosikal berasaskan sawit yang pertama di dunia. Kelebihannya ialah :-
- Kawalan keledak pada ombok, sistem ekzos dan palam pencucuh.
 - Pelinciran cemerlang daripada bahan asas semulajadi.
 - Keunggulan kuasa dan kecekapan injin.
 - Kurang asap.



4. Tahukah anda bahawa minyak sawit boleh menghasilkan *vitamin E* yang dikeluarkan dalam bentuk kapsul yang diberi nama *Palmvitel*. Produk ini dapat mengawal kanser (*anti-carcinogenic*) dan mengurangkan paras kolesterol dalam darah.

Bersambung di muka surat 11

Rajin Berusaha dan Sedia Menerima Tunjuk Ajar Punca Kejayaan

En. Judin Noh



En. Judin Noh, Peladang Jaya dari FELDA Ulu Belitong.

Berusaha tanpa mengenal penat lelah, tidak memilih pekerjaan dan sentiasa bersabar merupakan kunci kejayaan peladang jaya kita kali ini. Beliau adalah salah seorang daripada peneroka FELDA yang telah berjaya menguruskan kebun sawitnya dengan jaya daripada ribuan yang ada di seluruh negara. Peladang yang dimaksudkan ialah En. Judin bin Noh, seorang peneroka FELDA di Ulu Belitong, Kuang, Johor.

Di zaman mudanya, beliau pernah berhijrah ke Singapura bekerja sebagai buruh binaan selama tujuh tahun sebelum menjadi peneroka FELDA pada tahun 1987. Sehingga sekarang beliau telah hampir sembilan tahun berkecimpung dengan tanaman sawit seluas 4 hektar yang pada ketika ini berumur 15 tahun. Kegiatan harian beliau adalah di kebunnya samada di kebun sawit ataupun di kawasan tapak rumahnya yang ditanami dengan

pokok buah-buahan seperti durian, pisang nipah, cempedak dan kopi. Beliau memulakan kerja di awal pagi kerana udara yang masuk segar dan kurangnya terik panas matahari. Pokok sawit dituai hasilnya sebanyak dua kali sebulan. Pada tahun lepas hasil yang diperolehi beliau menghampiri 100 tan ataupun menyamai 25 tan/hektar/tahun. Ini merupakan satu pencapaian

Bersambung di muka surat 12

Dari muka surat 10.

5. Kumbang Pendebunga Kelapa Sawit - *Elaeidobius kamerunicus*. Sumbangan kumbang ini kepada industri sawit negara termasuklah:
- Menjimatkan kos pendebungaan lebih kurang RM 133/hektar/tahun.
 - Meningkatkan hasil dari segi berat tandan, set buah, isirong dan mutu minyak
 - Keupayaannya terbang sejauh 500 meter untuk melakukan pendebungaan
 - Kepadatan pembiakan (populasi) kumbang didapati berkaitan dengan kepadatan bunga jantan yang sedang mengorak di ladang. **BS**



Gambar yang telah diperbesarkan. Kebiasaannya kumbang ini bersaiz 2.5-3.0 mm

Sumbangan: Basri Bakar

yang begitu membanggakan sekali. Purata pendapatan bulanan yang diperolehinya dalam keadaan harga sekarang di antara RM 1000.00 sehingga RM 2000.00.

Sepatah kata En. Judin, "Kehidupan semasa di tanah rancangan FELDA ini jauh lebih baik berbanding sebelumnya", jelas menggambarkan kepuasan dari rezeki yang diperolehi dan amat bersyukur kehadiran Ilahi.

Faktor kejayaan En. Judin adalah disebabkan oleh disiplin dirinya terhadap kerja, masa dan sentiasa mempraktikkan setiap aspek amalan agronomi sawit yang diketahuinya. Setiap kerja penuaian dibuat mengikut pusingan sekurang-kurangnya dua kali sebulan walaupun musim buah melawas. Buah tandan segar yang hendak dituai dipastikan benar-benar masak dengan mengikuti piawaian kemasakan yang ditetapkan selain daripada pusingan menuai yang betul.

Program pembajaan diikuti mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan FELDA. Selain daripada itu, beliau ada juga menggunakan baja sebatian tambahan kepada pokoknya yang kurang subur untuk mendapatkan hasil yang lebih. Beliau sedar bahawa tanpa baja yang mencukupi dan jadual



En. Judin dan keluarga hidup selesa hasil daripada kerajinan dan pengurusan sawit yang cekap.

pembubuhan yang betul, pokok sawitnya tidak akan dapat mengeluarkan hasil yang baik sepertimana yang diperolehinya sekarang.

Sebelum kerja membaja dijalankan, kawasan ladang sentiasa dipastikan bebas daripada rumpai merbahaya. Beliau menggunakan racun *paraquat* untuk membasmi rumpai berdaun lembut seperti selaput tunggul (*mikania*), rumpai sambau dan sebagainya. Bagi kawasan yang diselaputi lalang, beliau menggunakan *glyphosate* dan campuran *glyphosate* dengan *metsulfuron-methyl* untuk membasmi anak kayu. En. Judin akan merasa rinas jika kebunnya semak. Beliau sedar bahawa baja yang diberi kepada sawit akan menjadi sia-sia jika kawasan kebunnya semak. Seterusnya, kerja penuaian, mengangkat tandan sawit dan mengutip buah relai akan menjadi lebih sukar.

Semua kerja-kerja ladang yang dijalankan oleh beliau adalah seperti yang telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai FELDA. Beliau juga mendapat khidmat nasihat daripada pegawai PORIM yang berhampiran. Pendek kata, antara petua kejayaan beliau adalah sedia menerima tunjukajar dan nasihat daripada orang yang lebih arif dan berpengalaman tentang sawit.

Selain daripada kerja-kerja di kebunnya, beliau juga mengambil upah menuai, membaja dan meracun di

kawasan kebun peneroka lain. Beliau juga mempunyai kemahiran pertukangan rumah dan menggunakan masa yang terluang mengambil upah bertukang rumah. En. Judin merupakan seorang yang tidak suka duduk diam dan tidak suka bersembang kosong di kedai kopi. Setiap detik masa digunakan sepenuhnya. Beliau menambah, "Di FELDA ini perlu ringan tulang kalau hendak hidup selesa. Peluang untuk menambah pendapatan ada di sekeliling sana-mahu atau tidak sahaja", tegasnya.

Mengenai aktiviti sosialnya, beliau pernah menjadi Naib Pengerusi Biro Agama di FELDA Belitong dan menjadi bilal masjid di tempat beliau sehingga kini. En. Judin yang kini berusia 51 tahun sentiasa bersyukur kehadiran Allah dengan rezeki yang diperolehinya bersama dengan isteri dan lapan orang anaknya. Lima orang daripada anaknya telah pun bekerja, antaranya sebagai pegawai di Bank Simpanan Nasional, Syarikat Ayammas dan di Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia. Dua orang lagi bekerja di kilang sawit berhampiran. Seramai dua orang lagi masih bersekolah menengah dan yang bongsu sekali berusia lima tahun. Alhamdulillah, berkat usaha gigihnya selama ini, En. Judin telah dapat membina sebuah keluarga bahagia yang sedikit-sebanyak dapat merasai erti kesenangan hidup. **BS**

Sumbangan: Basri Bakar

MAKLUMAN

Berita Sawit diterbitkan setiap bulan Jun dan Disember. Jika anda mempunyai rencana/berita/peladang yang berjaya atau nya saja yang difikirkan sesuai dan menarik untuk dimasukkan dalam Berita Sawit PORIM, sila hantarkan kepada

Ketua Penyunting
Berita Sawit PORIM
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur

(u.p. Unit Pembangunan Pekebun
Kecil & Pemindahan Teknologi)